



## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

| BIL. | BUTIR-BUTIR TENDER  | KOD BIDANG / KELAYAKAN   | TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL   | LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK  | TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN  |
|------|---|--|--|---|--|
| 1.   | <p><b>NO. TENDER</b><br/>T0014/24</p> <p><b>NO. RUJUKAN</b><br/>F5/9/1/5/2024</p> <p><b>TAJUK</b><br/>MENAIKTARAF<br/>KAWASAN<br/>PELANCONGAN DI KINTA<br/>RIVERWALK , IPOH<br/>PERAK</p> | <p>(BUMIPUTERA)<br/>GRED: G5</p> <p>KATEGORI: CE</p> <p>PENGGHUSUSAN:<br/>CE21</p> | <p><b>TARIKH IKLAN</b><br/>22 NOVEMBER 2024 (JUMAAT)</p> <p><b>TARIKH JUAL</b><br/>27 NOVEMBER 2024 (RABU)</p> <p><b>TARIKH AKHIR PEMBELIAN</b><br/>18 DISEMBER 2024 (RABU)<br/>JAM 12.00 TENGAH MALAM</p> <p><b>HARGA DOKUMEN</b><br/>RM300.00<br/>(TIDAK AKAN<br/>DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG<br/>MAJLIS BANDARAYA IPOH<br/><a href="https://myperolehan.mbi.gov.my">https://myperolehan.mbi.gov.my</a></p> | <p><b>LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN<br/>SEPERTI BERIKUT:-</b></p> <p><b>TARIKH</b><br/>27 NOVEMBER 2024 (RABU)</p> <p><b>MASA</b><br/>9.00 PAGI -9.30 PAGI<br/>PENDAFTARAN</p> <p>9.30 PAGI<br/>TAKLIMAT &amp; LAWATAN TAPAK</p> <p><b>TEMPAT BERKUMPUL</b><br/>JAMBATAN JALAN SULTAN<br/>ISKANDAR SHAH, 30000 IPOH,<br/>PERAK DARUL RIDZUAN</p> | <p><b>TARIKH TUTUP</b><br/>19 DISEMBER (KHAMIS)<br/>JAM 12.00 TENGAH HARI</p> <p><b>LOKASI<br/>PENGHANTARAN<br/>DOKUMEN TENDER</b><br/>PETI TENDER/<br/>SEBUT HARGA<br/>TINGKAT 1,<br/>UNIT PEROLEHAN,<br/>MAJLIS BANDARAYA<br/>IPOH</p> |

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA DI DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PETENDER DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PETENDER YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTAI DAN MEMBELI TENDER INI.

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen tender dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen tender yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan/ didokumentasikan. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen tender dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 18 DISEMBER 2024 (RABU) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Tender boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB serta masih sah lakunya, 60 hari dari tarikh mula iklan.

5. Surat Kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

6. Petender mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya petender mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

7. Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjurong kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh.**

8. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL  
PENGARAH UKUR BAHAN & PEROLEHAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN  
JURUUKUR BAHAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH